



KENYATAAN MEDIA

9 Mac 2026

Memetik:

**Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif
Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

PETIKAN BERMULA

Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengalu-alukan pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal 2026–2030 (CMP), yang menetapkan hala tuju jelas ke arah membina pasaran modal yang berdaya saing, inklusif dan mampan.

PNB menyokong fokus CMP terhadap daya saing pasaran, tadbir urus dan keyakinan pelabur, terutamanya penjajarannya dengan kewangan Islam serta prinsip Maqasid al-Shariah.

Penekanan CMP terhadap pemerkasaan prestasi korporat serta penetapan sasaran berwawasan untuk meningkatkan saiz Pasaran Modal Malaysia di antara RM5.8 trilion kepada RM6.3 trilion menjelang 2030 adalah satu langkah yang tepat pada masanya.

Sebagai sebuah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), PNB komited untuk merealisasikan aspirasi ini dengan menggalas peranan sebagai pengurus (pengawal) pemangkin (catalytic stewards). Kami tekad memacu prestasi nilai pemegang saham yang lebih kukuh melalui pemantauan tadbir urus lembaga pengarah yang bertanggungjawab, menyokong Tawaran Awam Permulaan (IPO) yang berkualiti, serta membantu syarikat swasta berpotensi untuk menembusi pasaran awam.

Pada masa yang sama, selaras dengan kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam, kami bersedia untuk menyokong pembangunan produk hutang inovatif dan instrumen sukuk global. Usaha ini bukan sahaja bertujuan memperluaskan pasaran hutang domestik, malah memastikan pertumbuhan ekonomi berpaksikan prinsip Maqasid al-Shariah yang mengutamakan kemampanan dan perkongsian kekayaan yang adil.

Sebagai syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang menggalas amanah lebih 11 juta pemegang unit unik, PNB menyokong penuh fokus berterusan di bawah CMP untuk memperkasakan literasi kewangan. Kami komited dalam menyediakan akses runcit kepada produk dan perkhidmatan inovatif sebagai sebahagian daripada pelan strategik untuk membina pasaran modal yang lebih inklusif dan berdaya saing bagi seluruh rakyat Malaysia, sekali gus memperkukuh keyakinan pelabur di peringkat global.

PETIKAN BERAKHIR